



Masuk Insurans Nyawa

Yusuf bin Omar, Kampung Pulau Kambing, Jalan Hiliran, Kuala Terengganu bertanya: Saya ingin memasuki sebuah syarikat insurans nyawa dengan bayaran \$3,000 selama 20 tahun. Bagaimana pendapat tuan tentang ini dalam agama Islam?

Jawab: Masalah ini telah pernah dijawab di dalam ruangan ini dahulu dengan panjang lebar yang menunjukkan bahawa masuk insurans nyawa itu hukumnya haram sesudah diberi keterangan-keterangan dan cara-cara yang berlaku dijalankan di dalam peraturan insurans itu. Harap saudara periksa keluaran-keluaran Qalam dahulu.

* * *

Kaum Muda – Kaum Tua

Muhammad Tahir bin Abdullah (Ikhwan 1128), Sekolah Agama Ulu Resmis Estate, Layang-layang Johor bertanya: Apa yang dikatakan Kaum Muda; perbezaannya dengan Kaum Tua; dan adakah Kaum Muda itu tiada diterima pada sisi Allah *subhānahu wa Ta'ālā* ?

Jawab: Perkara ini telah pernah dijawab di dalam ruangan ini sedikit masa dahulu. Terang dan jelas disebut bahawa Kaum Muda berkehendakkan supaya segala amalan hendaklah berpegang kepada *al-Qur'an* dan *al-hadīth* serta ijmak sahabat dan dalam perkara-perkara yang tiada terjadi pada zaman Rasulullah dan sahabat-sahabat itu hendaklah dikiaskan (tentang perkara-perkara yang di luar ibadat). Sedang

pengertian Kaum Tua, sebagaimana lazimnya, berpegang atau mengikut kepada pengertian ambilan dan pengertian daripada imam-imam mazhab masing-masing. Saudara boleh timbang sendiri tentang hal ini.

* * *

Mahu Jadi Pengarang

Hamlin bin Ayub, Kampung Santubong, Kuching Sarawak, bertanya: Bagaimana yang eloknya supaya saya pandai di dalam ilmu karang-mengarang; adakah kita mesti belajar ilmu karang-mengarang lebih dahulu ataupun dengan membanyakkan membaca buku-buku karangan orang-orang terkenal; atau pun saya mencuba mengarang mengikut pengalaman yang ada di dalam pengetahuan saya sendiri padahal saya ingin menjadi seorang pengarang.

Jawab: Salah satu jalan untuk menjadi seorang pengarang ialah membanyakkan membaca buku-buku terutamanya buku-buku yang berisi pengetahuan am. Daripada ini dua perkara yang bakal saudara dapat – yang pertama: dapat panduan cara-cara karangan seseorang pengarang; dan yang kedua: mendapat bahan-bahan umum yang bakal dijadikan bahan-bahan tulisan.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang patut diperhati dan diselidiki oleh seseorang wartawan ialah undang-undang karang-mengarang – undang-undang kerajaan yang berkenaan dengan berbagai-bagai hal seperti yang disebut di dalam bahasa Inggerisnya: *label, seditious, slanders*. Sesudah saudara mengetahui perkara-perkara yang tersebut maka dapatlah kelak saudara menggunakan kata-kata yang tidak mengikat di dalam sesuatu tulisan serta kata-kata: setelah, yang akan, sesudah, nampaknya, harus, boleh jadi, dikatakan, akan, pada fikiran dan seumpamanya yang boleh dijadikan helah melepaskan undang-undang itu mengenai tulisan seseorang – dan inilah kata-kata yang dikatakan “kewartawanan” sehingga susah